

16/01/2003

Terengganu sudah perjelas kepada PM

KUALA TERENGGANU: Kerajaan Pas Terengganu sudah menjelaskan pandangannya kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengapa Maktab Rendah Sains Mara-Yayasan Terengganu (MRSM-YT) di Dungun dan Besut tidak harus ditutup.

Pandangan kerajaan negeri itu disampaikan kepada Perdana Menteri oleh Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Ekonomi, Petroleum, Perindustrian dan Sumber Manusia negeri, Datuk Mustafa Ali di Putrajaya, Isnin lalu.

Menteri Besar, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, berkata dalam pertemuan itu

Mustafa menjelaskan pandangan kerajaan negeri supaya MRSM-YT dikekalkan dan tidak mahu kepentingan pendidikan dipolitikkan.

"Kita mahu kedua-dua bangunan itu yang menempatkan pelajar Terengganu dan negeri lain dimanfaatkan," katanya selepas mesyuarat Exco Kerajaan Negeri di Wisma Darul Iman, semalam.

Abdul Hadi berkata, dalam pertemuan yang diadakan pada jam 3 petang itu,

Dr Mahathir memberitahu Mustafa beliau akan melihat masalah berkenaan dan

apa yang boleh dilakukan.

Beliau berkata, kuota kemasukan MRSM-YT Dungun sudah dikurangkan daripada 80 peratus pelajar Terengganu dan 20 pelajar dari negeri lain kepada 50-50.